

A Literature Review on Fatwa Issues in Malaysia

Irwan bin Mohd Subri*
irwan@usim.edu.my

Amir Husin bin Mohd Nor♦
amirhusin@usim.edu.my

Nisar bin Mohammad Ahmad*
nisar@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol19no1.4>

Abstract

This article presents a literature review on fatwa-related issues within the Malaysian context. Adopting a qualitative approach, the study employs document analysis of enactments, acts, ordinances, theses, journal articles, research reports, and books pertaining to *fatwā* and its emerging challenges. The findings highlight several critical issues within the Malaysian fatwa framework, including outdated legislation; a lack of standardisation and coordination between Federal and State authorities; and discrepancies in the types of offences and punitive measures between fatwa enforcement and State *Shari'ah* criminal laws.

Keywords:

Fatwā issues, Malaysia, enactment, Federation, States.

Article history:

Submission date: 5/2/2024

Received in revised form: 6/2/2025

Acceptance date: 23/2/2026

Available online: 1/6/2026

Funding:

This article is part of a research project titled “Penambahbaikan Keberkesanan Fatwa di Malaysia: Analisis Aspek Perundangan” (Improving the Effectiveness of Fatwa in Malaysia: An Analysis of Legal Aspects), funded by the Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM).

Conflict of interest:

The author(s) have declared that no competing interest exists.

Cite as:

Irwan bin Mohd Subri, Amir Husin bin Mohd Nor, and Nisar bin Mohammad Ahmad, “A Literature Review on Fatwa Issues in Malaysia,” *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 19, No. 1 (June 2026): 61–78.

-
- ♣ PhD in Fiqh and Usul, International Islamic University Malaysia (IIUM). Professor at the Faculty of Syariah and Law; Researcher at the Fatwa and Halal Institute (IFFAH), Islamic Science University of Malaysia (USIM); Secretary of the Malaysia Islamic Fiqh Academy (AFHAM). Principal Investigator (PI)/Lead Researcher and Corresponding Author.
 - ♦ PhD in Islamic Studies, University of Edinburgh. Former Professor at the Faculty of Shari'ah and Law, Islamic Science University of Malaysia (USIM). Co-Investigator and Author.
 - ♣ PhD in Law, International Islamic University Malaysia (IIUM). Deputy Dean (Student Affairs), Faculty of Shari'ah and Law, Islamic Science University of Malaysia (USIM). Co-Investigator and Author.

Kajian Tinjauan Literatur Terhadap Isu-Isu Fatwa di Malaysia

Irwan bin Mohd Subri*
irwan@usim.edu.my

Amir Husin bin Mohd Nor*
amirhusin@usim.edu.my

Nisar bin Mohammad Ahmad*
nisar@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.56389/tafhim.voll9no1.4>

Abstrak

Artikel ini merupakan sebuah tinjauan literatur terhadap isu-isu fatwa dalam konteks Malaysia. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini bersifat kualitatif, iaitu melalui analisis dokumen terhadap enakmen-enakmen, akta-akta, ordinan-ordinan, tesis-tesis, artikel-artikel, jurnal-jurnal, penyelidikan-penyelidikan, dan buku-buku yang berkaitan dengan fatwa dan isu-isu yang timbul. Hasil dapatan daripada kajian-kajian lepas mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang berkaitan dengan kefatwaan di Malaysia. Isu-isu ini ialah enakmen-enakmen, akta-akta, dan ordinan-ordinan berkenaan dengan fatwa yang tidak dikemaskini; ketiadaan penyeragaman dan penyelarasan fatwa antara peringkat Persekutuan dengan peringkat Negeri; serta perbezaan dari segi jenis-jenis kesalahan dan kadar hukuman kesalahan dalam penguatkuasaan fatwa dan akta-akta serta enakmen-enakmen jenayah syariah negeri.

Kata Kunci:

Isu-isu fatwa, Malaysia, enakmen, Persekutuan, Negeri-negeri.

Rekod Artikel:

Tarikh hantaran: 5/2/2024

Serahan penambahbaikan: 6/2/2025

Tarikh terima: 23/2/2026

Tersedia dalam talian: 1/6/2026

Pendanaan:

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang bertajuk “Penambahbaikan Keberkesanan Fatwa di Malaysia: Analisis Aspek Perundangan” yang dibiayai oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Konflik kepentingan:

Penulis telah memaklumkan bahawa tidak terdapat sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak.

Sitasi:

Irwan bin Mohd Subri, Amir Husin bin Mohd Nor dan Nisar bin Mohammad Ahmad, “Kajian Tinjauan Literatur Terhadap Isu-Isu Fatwa di Malaysia,” *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 19, No. 1 (June 2026): 61–78.

-
- ♣ PhD Fiqh dan Usul, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang; Penyelidik, Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Setiausaha, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). Ketua Penyelidik dan Penulis Utama.
 - ♣ PhD Pengajian Islam (*Islamic Studies*), University of Edinburgh. Mantan Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Penyelidik & Penulis bersama.
 - ♣ PhD Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Penyelidik dan Penulis bersama.

Pendahuluan

Fatwa merupakan satu mekanisme untuk memberikan penerangan berkenaan hukum Syarak yang dikeluarkan oleh mufti bertauliah berhubungan dengan masalah-masalah semasa serta menjawab soalan-soalan yang tidak disentuh oleh nas atau perbincangan para ulama fiqh. Fatwa juga merupakan salah satu sumber perundangan Islam di Malaysia berkaitan dengan urusan hal ehwal agama Islam yang diletakkan di bawah bidang kuasa Negeri dan boleh dikuatkuasakan. Fatwa yang dikeluarkan akan diwartakan dalam gazet dan bersifat mengikat ke atas semua pihak termasuk Mahkamah Syariah. Tindakan boleh diambil terhadap individu-individu Muslim di Malaysia yang melanggar fatwa yang telah diwartakan berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa. Di Malaysia, pengurusan fatwa adalah unik kerana terdapat institusi fatwa pada dua peringkat yang berbeza—iaitu Persekutuan dan Negeri. Setiap institusi tersebut memainkan peranan yang berbeza dalam memberikan penjelasan kepada rakyat Malaysia berhubung isu agama.

Pada peringkat Persekutuan, pengurusan fatwa berada di bawah bidang kuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja di Malaysia. MKI ditubuhkan sebagai sebuah badan penyelarasan pentadbiran agama Islam di seluruh negara, manakala Jawatankuasa Muzakarah MKI bertanggungjawab dalam menimbang, memutuskan, dan mengeluarkan fatwa berkenaan perkara-perkara melibatkan agama Islam yang dirujuk oleh Majlis Raja-Raja. Selain itu, tugas MKI juga adalah memberikan nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri. Selepas mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah, keputusan dan pandangan hukum yang diputuskan dalam mesyuarat akan dimaklumkan kepada mesyuarat MKI dan kemudiannya dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja berserta pengesyorannya untuk dibincangkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri bagi menentukan fatwa dan pewartaannya pada peringkat Negeri. Pada peringkat Negeri, akta, enakmen, atau ordinan menjadi punca kuasa bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan fatwa. Namun, terdapat beberapa kelompangan dalam enakmen berkaitan kefatwaan pada peringkat Negeri yang menyebabkan sedikit kecacatan dan mengundang persepsi negatif terhadap institusi kefatwaan. Antaranya ialah ketiadaan takrifan untuk istilah “fatwa” dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam. Takrifan bagi fatwa ada disebutkan dalam enakmen lain—iaitu, Enakmen Jenayah Syariah—namun nombor rujukan bagi Seksyen yang disebutkan adalah salah. Sebagai contoh, Seksyen 2(1) dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 mentakrifkan fatwa sebagai “mana-mana fatwa yang dibuat di bawah dan mengikut seksyen 31 Enakmen Pentadbiran.”¹ Namun, apabila

1. Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Seksyen 2(1).

rujukan dibuat terhadap Seksyen 31 dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, tidak ada sebarang penjelasan berkenaan takrifan fatwa; sebaliknya, Seksyen 31 menyentuh soal Jawatankuasa Tata tertib.

Bahkan, keseluruhan Bahagian II yang mengandungi Seksyen 31 itu langsung tidak mengandungi sebarang peruntukan berkenaan fatwa.² Perkara ini boleh dikatakan turut terjadi di kebanyakan negeri. Perkara yang sama juga terjadi di peringkat Persekutuan. Dalam Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2017), takrif fatwa ada disebutkan, iaitu “apa-apa ketetapan hukum tentang sesuatu isu berkaitan dengan akidah, syariah dan akhlak yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa.”³ Dari sudut undang-undang pula, ketetapan hukum ini akan dianggap sebagai fatwa sekiranya disiarkan dalam warta. Namun, jika dilihat dalam akta, enakmen, atau ordinan berkenaan pentadbiran agama Islam negeri-negeri, takrif fatwa tidak dinyatakan dengan jelas dan terperinci.

Selain itu, walaupun tafsiran berkenaan fatwa terkandung dalam akta, enakmen, atau ordinan jenayah syariah negeri-negeri, nombor rujukan Seksyen yang disebutkan adalah salah dan tidak berkait dengan takrif fatwa itu sendiri. Misalnya, dalam Seksyen 2(1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, tafsiran fatwa yang dinyatakan ialah “mana-mana fatwa yang dibuat di bawah seksyen 34 Akta Pentadbiran.”⁴ Akan tetapi, jika dirujuk takrifan fatwa tersebut dalam Seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, penjelasan yang diberikan adalah berkaitan dengan proses pewartaan, bukan takrif, fatwa pada peringkat Wilayah Persekutuan.⁵ Proses tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Mufti hendaklah, atas perintah Yang di-Pertuan Agong, dan bolehlah, atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang ditujukan kepada Mufti, membuat dan menyiarkan dalam Warta suatu fatwa atau pendapat atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian berkenaan atau berhubungan dengan Hukum Syarak.
2. Tiada pernyataan yang dibuat oleh Mufti boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika dan sehingga pernyataan itu disiarkan dalam Warta menurut subseksyen (1).
3. Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-Wilayah Persekutuan

2. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Bahagian II, Seksyen 31.

3. *Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2017), 5.

4. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Seksyen 2(1).

5. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Seksyen 34.

sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan, atau pendapat peribadi.

4. Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai autoritatif berkenaan semua perkara yang dinyatakan di dalamnya.⁶

Takrifan fatwa yang jelas dalam akta, enakmen, atau ordinan berkaitan fatwa adalah perlu kerana makna fatwa dalam konteks perundangan di Malaysia adalah berbeza dengan maksud fatwa dalam kitab-kitab *Usūl al-Fiqh* dan *Fiqh*. Ketidajelasan takrifan fatwa dalam konteks Malaysia akan menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam terhadap perbezaan antara takrifan fatwa dalam kitab-kitab yang tidak bersifat mengikat dengan takrifan menurut undang-undang yang bersifat mengikat.

Seterusnya, selain isu takrifan, terdapat juga isu klausa-klausa berkenaan dengan fatwa yang tidak dikemaskini walaupun terdapat beberapa pindaan dalam enakmen, akta, atau ordinan pentadbiran agama Islam di negeri-negeri. Menurut Zulkifli Mohamad, penggubalan akta dan enakmen telah bermula seiring dengan kemerdekaan tanah air pada 31 Ogos 1957.⁷ Berdasarkan fakta ini, jelas bahawa pindaan dan penambahan peruntukan berkenaan fatwa dalam akta-akta, enakmen-enakmen, atau ordinan-ordinan memerlukan perhatian segera agar institusi kefatwaan di seluruh negara tidak ketinggalan, malah seiring perubahan waktu. Selanjutnya, pemahaman tentang klausa *qaww* muktamad dalam akta-akta, enakmen-enakmen, atau ordinan-ordinan bagi setiap negeri adalah saling berbeza kerana setiap negeri mempunyai institusi fatwa yang beroperasi secara berasingan. Bidang kuasa dan pentadbiran institusi-institusi tersebut juga tidak selaras dan seragam. Berdasarkan isu-isu yang telah diketengahkan di atas, terdapat beberapa isu yang perlu diberikan tumpuan dalam permasalahan kefatwaan di Malaysia bagi menyelaraskan serta mengukuhkan undang-undang berkenaan fatwa di seluruh negara. Memandangkan belum ada kajian khusus terhadap keperluan mengharmonikan dan menambah baik undang-undang berkaitan fatwa di Malaysia, kajian ini diharapkan dapat menghasilkan satu cadangan penambahbaikan enakmen, akta, atau ordinan berkaitan fatwa pada peringkat negeri-negeri.

6. Ibid.

7. Zulkifli Mohamad, "Institusi Mufti dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen Dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan," Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, 2004, 5.

Tinjauan Literatur

Definisi Fatwa

Kamus Dewan mentakrifkan fatwa sebagai “keputusan tentang sesuatu hukum agama berdasarkan nas al-Quran, hadis dan sumber-sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti atau mereka yang berkelayakan tentang keputusan hukum Syarak.”⁸ Al-Qur’ān merakamkan:

Mereka meminta fatwa kepadamu (tentang *al-kalālah*). Katakanlah, “Allah memberikan fatwa kepadamu tentang *al-kalālah* (iaitu): jika seorang meninggal dunia, dan ia tidak mempunyai anak dan mempunyai saudara perempuan, maka bagi saudaranya yang perempuan itu seperdua daripada harta yang ditinggalkannya, dan saudaranya yang laki-laki mempusakai (seluruh harta saudara perempuan), jika ia tidak mempunyai anak; tetapi jika saudara perempuan itu dua orang, maka bagi keduanya dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh yang meninggal. Dan jika mereka (ahli waris itu terdiri daripada) saudara-saudara laki dan perempuan, maka bahagian seorang saudara laki-laki sebanyak bahagian dua orang saudara perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepadamu, supaya kamu tidak sesat. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”⁹

Ayat di atas menjelaskan berkenaan pertanyaan tentang hukum dan permasalahan *al-kalālah* kepada mufti, iaitu seorang faqih. Berdasarkan ayat ini, dapat dilihat bahawa jika seseorang itu tidak mengetahui hukum tentang sesuatu perkara, dia perlulah merujuk kepada para faqih berkenaan permasalahan tersebut. Selain ayat al-Qur’ān di atas, hadis yang berikut pula menjelaskan dosa yang ditanggung oleh sesiapa sahaja yang mengeluarkan hukum padahal dia jahil:

Daripada Abū Hurayrah, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang diberi fatwa bukan berdasarkan ilmu, maka dosanya adalah pada orang yang memberikan fatwa itu kepadanya. Barangsiapa yang mengarahkan saudaranya kepada suatu perkara yang dia tahu terdapat kebaikan di tempat lain, maka dia telah mengkhianatinya.”¹⁰

Ibn Manzūr menyatakan bahawa perkataan *fatwā* lebih banyak digunakan berbanding *futyā* dalam kalangan pakar bahasa Arab kerana kesesuaiannya sebagai kata nama (*masdar*). Selain itu, kedua-dua perkataan *futyā* dan *fatwā* juga

8. *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), s.v. “fatwa.”

9. *Sūrat al-Nisā’* (4):176.

10. Abū Dāwūd, “Kitāb al-‘Ilm: Bāb al-Tawaqqi fi al-Futya,” dalam *Sunan Abū Dāwūd* (Beirut: al-Maktabat al-‘Asriyyah, t.t.). *Hadīth* No. 3226.

lazim digunakan dalam bentuk *iftā'*, yang merujuk kepada perbuatan menetapkan fatwa yang dilakukan oleh seorang mufti yang faqih lagi berpengetahuan luas dan mendalam dalam perundangan Islam berhubung sesuatu hukum atau sesuatu keputusan.¹¹ Yūsuf al-Qaradāwī pula menjelaskan fatwa dari segi istilah sebagai perbuatan memberikan penjelasan hukum Syarak bagi sesuatu masalah sebagai jawapan bagi yang bertanya, baik secara bersendirian atau berjemaah.¹² *Fatwā* juga bermaksud pemakluman tentang hukum Allah berdasarkan dalil kepada orang yang bertanyakannya berkenaan sesuatu isu atau permasalahan yang timbul.¹³ Zulkifli Muhammad al-Bakri menjelaskan, dari segi bahasa, perkataan *fatwā* boleh membawa tiga makna, iaitu: (1) penjelasan berkenaan sebarang perkara oleh seorang yang faqih; (2) penerangan berkenaan perkara yang memusykilkan dan kesamaran tentang hukum oleh seseorang yang faqih; dan (3) memberikan jawapan bagi sesuatu masalah oleh seorang yang faqih.¹⁴ Berdasarkan takrifan-takrifan ini, dapat disimpulkan bahawa *fatwā* bermaksud jawapan hukum Syarak yang diberikan oleh seseorang mufti kepada soalan yang ditanyakan oleh seseorang atau sesuatu pihak.

Dalam kefatwaan, terdapat dua pihak yang terlibat, iaitu *muftī* dan *mustaftī*. Perkataan “*muftī*” dari segi bahasa merujuk kepada pengeluar *fatwā*, manakala dari segi istilah perkataan ini merujuk kepada ahli ilmu atau faqih yang mengeluarkan *fatwā* atau menerangkan *fatwā*.¹⁵ Perkataan *mustaftī* pula bermaksud pihak yang meminta *fatwā*, dan lazimnya *mustaftī* merupakan pihak yang tidak berpengetahuan dalam hukum syarak atau individu yang tidak sampai ke tahap mujtahid atau mufti.¹⁶ Seorang *muftī* perlu memiliki tiga syarat, iaitu berkemampuan untuk melakukan ijtihad, adil, dan tidak mempermudah atau beringan-ringan dalam soal hukum.¹⁷ Abd Latif Muda dan Rosmawati Ali pula menambah beberapa syarat yang perlu dimiliki oleh seorang *muftī*. Pertama, seorang mufti mesti memasang niat yang ikhlas dan bersikap terus-terang. Tanpa niat yang lurus, Allah tidak akan memberikan petunjuk dalam mengeluarkan

11. Ibn Manzūr, *Lisān al-Arab* (Beirut: Dār al-Bayrūt, 1956), jil. 15, s.v. “fatwā.”

12. Yūsuf al-Qaradāwī, *Al-Fatwa Bayna al-Indibāṭ wa al-Tasayyub* (Kaherah: Dār al-Ṣaḥwah li al-Nashr wa al-Tawzī, 1988), 11.

13. Muḥammad Sulaymān al-Ashqar, *Al-Wāḍiḥ fī Usūl al-Fiqh* (Amman: Dār al-Nafā'is, 2001), 277.

14. Zulkifli Muhammad al-Bakri, “Aplikasi Fatwa dalam Sistem Perbankan Islam: Cabarannya dalam Konteks Semasa,” dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia, 2012* (Nilai dan Putrajaya: Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2012), 151–164.

15. Mohd Haidhir Md Yusof, “Institusi Fatwa: Ifta,” *Academia.edu*. https://www.academia.edu/12455634/Institusi_Fatwa_Ifta, diakses pada 5 Februari 2024.

16. Abū ‘Amru ‘Uthmān bin ‘Abd al-Raḥman (dikenali sebagai Ibn al-Ṣalāh), *Adab al-Muftī wa al-Mustaftī* (Beirut: ‘Alam al-Kutub, 1986), 157.

17. Untuk perbincangan menyeluruh berkenaan syarat-syarat mufti khususnya dalam konteks Malaysia, lihat Hasnan Kāsan, *Institusi Fatwa di Malaysia* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008).

fatwa. Dalam erti kata lain, niat di sebalik usaha untuk mengeluarkan *fatwā* mestilah bertujuan mendekati diri kepada Allah dan menyelesaikan masalah umat. Kedua, seorang mufti mesti memiliki asas pengetahuan dan pemahaman yang baik berkenaan isu atau permasalahan yang diajukan kepadanya. Jika tidak, masalah akan timbul andai seorang *muftī* tersilap dalam mentafsirkan sesuatu isu. Ketiga, seorang *muftī* perlu memiliki kekuatan untuk menangani isu-isu yang timbul, termasuk mengetahui perkembangan semasa sesuatu isu yang memerlukan *fatwā*. Keempat, seorang *muftī* mestilah memiliki ilmu yang cukup dan berkelayakan dari segi agama dan peribadi, khususnya sifat *qanā'ah*, atau merasa cukup dengan apa yang ada, khususnya harta. Kelima, seorang *muftī* mestilah mengetahui dan memahami kedudukan serta keperluan masyarakat kerana melibatkan keperluan pihak yang meminta *fatwā*.¹⁸

Kefatwaan Fatwa di Malaysia

Pada 1 Julai 1969, Majlis Raja-Raja telah bersetuju untuk mengambil langkah proaktif dalam Persidangan Majlis Raja-Raja bagi menubuhkan MKI. Tujuannya adalah menyelaraskan kerja, aktiviti dan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Malaysia. Keperluan untuk menubuhkan Majlis tersebut berpunca daripada ketidakteraturan hukum, termasuk hukum-hukum yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Negeri-Negeri. Selain itu, terdapat juga percanggahan antara fatwa negeri-negeri Malaysia.¹⁹ Institusi fatwa merupakan institusi agama yang telah diberikan kuasa dan dipertanggungjawabkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Negeri untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong, Sultan-Sultan, dan Raja-Raja selaku Ketua Agama Islam di negeri masing-masing. Terdapat dua institusi fatwa yang diwujudkan di bawah undang-undang negara: Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang berfungsi sebagai badan pengeluar fatwa pada peringkat Persekutuan, dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri yang bertanggungjawab sebagai badan pengeluar fatwa pada peringkat negeri.²⁰ Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Uagama Islam merupakan autoriti agama yang tertinggi di Malaysia dan menjadi rujukan dalam aspek hukum dan etika berkenaan dengan isu-isu semasa atau permasalahan yang memerlukan fatwa. Bagi menyelesaikan persoalan-persoalan semasa yang melibatkan umat Islam dengan lebih berkesan dan

18. Abd Latif Muda dan Rosmawati Ali@Mat Zin, *Perbahasan Usul al-Ahkan* (Kuala Lumpur: Ihlam Abati Enterprise, 2001), 441–442.

19. Mahyudin Daud dan Ahmad Najib Abdullah, “Penginstitusian Majlis Fatwa Kebangsaan dan Kaifiat Pengeluaran Hukum: Suatu Tinjauan Umum,” *Al-Basirah: Jurnal Universiti Malaya* 9, no. 2 (2019): 37.

20. Mahamad Naser bin Disa, “Analisa Terhadap Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Berkenaan Pelanggaran Fatwa,” dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia 2012* (Nilai dan Putrajaya: Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2012), 27–42.

menyeluruh, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui persetujuan MKI telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang menjadi forum perbincangan bagi mengeluarkan fatwa pada peringkat Persekutuan.²¹

Amalan kefatwaan di Malaysia juga adalah unik kerana Malaysia tidak memiliki seorang Mufti Negara. Di Malaysia, fatwa merujuk kepada pandangan kolektif mufti-mufti setiap negeri yang diangkat ke peringkat Persekutuan dan pandangan ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa yang telah dilantik pada peringkat Negeri.²² Menurut Mohamed Azam Mohamed Adil, penggubalan undang-undang pada peringkat Negeri memberikan kuasa kepada kerajaan di setiap negeri untuk menubuhkan jawatankuasa yang akan membantu Jabatan Mufti dalam mengeluarkan fatwa bagi pihak Kerajaan Negeri. Jawatankuasa ini dikenali dengan pelbagai nama seperti Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak, Jawatankuasa Syariah, Majlis Fatwa, Lembaga Fatwa, Lajnah Fatwa, Jamaah Ulama, dan Jawatankuasa Fatwa.²³ Pentadbiran institusi fatwa negeri-negeri adalah berdasarkan undang-undang tertentu bagi setiap negeri. Undang-undang tersebut meliputi peruntukan-peruntukan berkaitan pelantikan mufti dan timbalannya, bidang kuasa, prosedur penetapan fatwa, pembentukan jawatankuasa fatwa dan kesalahan-kesalahan berkaitannya sama ada tentang berfatwa atau dalam bentuk melakukan perbuatan yang bertentangan dengan kehendak fatwa.²⁴

Isu-Isu Berkaitan Fatwa di Malaysia

Fatwa merupakan satu panduan penting bagi masyarakat Islam, terutamanya dalam perkara-perkara yang menimbulkan keraguan atau kebimbangan kepada individu dan masyarakat Islam berkenaan kemurnian dan kesucian pegangan dan amalan agama.²⁵ Berdasarkan Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia, definisi *qaww mu'tamad* mazhab Shāfi'ī ialah pandangan *rājiḥ* (diterima) yang ditetapkan melalui kaedah-kaedah tertentu dan dipegang dalam

21. Harussani bin Haji Zakaria dan Norliah binti Sajuri, "Penjelasan Terhadap Isu Kekeliruan Fatwa yang Diwartakan," dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia* 2012 (Nilai dan Putrajaya: Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2012), 7–16.

22. Ibid.

23. Mohamed Azam Mohamed Adil, "Penyelarasan Fatwa: Isu, Masalah dan Harapan," dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia* 2012 (Nilai dan Putrajaya: Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2012), 17–26.

24. Mohd Nazril Saad, "Bentuk Keterdedahan Risiko Fatwa di Malaysia: Analisis Sorotan Literatur," *Jurnal Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa* 24, no. 1 (2021): 94–115.

25. Ahmad Hidayat Buang dan Che Rozaihan Che Rosli, "Persepsi dan Penerimaan Mahasiswa Terhadap Fatwa Negeri Selangor," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 9, no. 1 (2017): 129–147.

mazhab Shāfi‘ī. Dalam proses mengeluarkan hukum atau fatwa, kebanyakan negeri secara lazimnya akan mengeluarkan hukum atau fatwa berasaskan *qawl mu‘tamad* mazhab Shāfi‘ī. Sekiranya *qawl mu‘tamad* mazhab Shāfi‘ī bertentangan dengan kepentingan awam, mana-mana *qawl mu‘tamad* daripada mazhab Hanafi, Maliki, dan Hanbali, atau mana-mana pendapat lain yang kaedah istinbat hukumnya hampir kepada mazhab-mazhab ini boleh dirujuk. Jika Jawatankuasa Fatwa berpandangan bahawa semua *qawl mu‘tamad* ini bertentangan dengan kepentingan awam, maka Jawatankuasa Fatwa boleh menggunakan ijtihad mereka sendiri.²⁶ Setakat ini, usaha penyeragaman fatwa pada peringkat Negeri dan Persekutuan adalah melalui penyeragaman kaedah rujukan pandangan mazhab. Melalui Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam setiap negeri kecuali Perlis, peruntukan undang-undang memberikan keutamaan rujukan kepada mazhab Shāfi‘ī berdasarkan peruntukan *qawl mu‘tamad*.²⁷ Dua perkara yang mempengaruhi penetapan fatwa dalam menyelesaikan permasalahan hukum Syarak ialah perubahan dan perbezaan yang timbul dalam kehidupan masyarakat.²⁸

Menurut Mohd Mohadis Yasin, meskipun dengan penyeragaman ini, masih terdapat fatwa-fatwa yang diputuskan pada peringkat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang belum diambil tindakan pada peringkat Jawatankuasa Peringkat Negeri untuk diwartakan dan dikuatkuasakan di negeri masing-masing. Antara faktor-faktornya adalah seperti yang berikut. Pertama, fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan boleh dibincangkan semula pada peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri, dan Jawatankuasa ini tidak terikat untuk mewartakan dan menguatkuasakan fatwa-fatwa tersebut. Keadaan ini menyebabkan penyelarasan sesuatu fatwa tidak dapat dilakukan dengan berkesan. Kedua, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan mana-mana fatwa yang telah diputuskan. Sebaliknya, hanya Jawatankuasa Fatwa Negeri sahaja yang mempunyai bidang kuasa untuk mewartakan dan menguatkuasakan fatwa-fatwa di negeri masing-masing selepas mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan negeri masing-masing.²⁹ Perbezaan dan percanggahan fatwa yang dikeluarkan pada peringkat Persekutuan dan Negeri ini boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan

26. *Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia*, 8–24.

27. Muhammad Fathullah Al Haq Muhammad Asni dan Jasni Sulong, “Penyelarasan Fatwa Antara Negeri-Negeri: Analisis Amalan dan Kaedah Penyeragamannya di Malaysia,” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 9, no. 1 (2017): 86–109.

28. Noor Naemah Abdul Rahman, Mohd Akram Dato’ Dahaman@Dahlan dan Muhammad Najib Abdullah, “Pengaruh Perbezaan Realiti Ekonomi, Politik, Demografi dan Perundangan Terhadap Penetapan Fatwa di Malaysia dan Singapura,” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 3, no. 1 (2014): 45–82.

29. Muhamad Miziazam Yahya dan Ahmad Wifaq Mokhtar, “Penyelarasan Fatwa di Antara Negeri dengan Persekutuan: Satu Analisis Sorotan Terhadap Penyelidikannya di Malaysia,” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 11, no. 1 (2018): 59–76.

masyarakat Islam, terutamanya yang menyentuh kepentingan nasional atau melibatkan pertindanan isu-isu yang sama pada kedua-dua peringkat. Perkara ini juga boleh mengundang pertikaian terhadap kewibawaan institusi-institusi fatwa, malah konsep dan amalan fatwa itu sendiri pun boleh dilihat lemah secara umumnya.

Demikian juga dapatan daripada kajian Luqman dan Muhammad Ikhlas yang menyatakan bahawa punca keunikan amalan kefatwaan di Malaysia boleh dinisbahkan kepada beberapa faktor. Pertama, faktor utama ketidakselarasan fatwa di Malaysia ialah kuasa untuk mengeluarkan fatwa yang tertakluk kepada negeri-negeri. Hal ini adalah kerana peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan cuma mengisytiharkan Islam sebagai agama Persekutuan, akan tetapi peruntukan-peruntukan tersebut juga membataskan kedudukan itu. Kedua, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bidang kuasa hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa Negeri seperti yang dinyatakan dalam Perkara 74(2) Jadual Kesembilan dalam Senarai Negeri. Kuasa berasingan ini menyebabkan setiap Negeri bebas untuk menentukan kaedah istinbat atau fatwa masing-masing, lalu menghasilkan hukum-hukum yang berbeza. Ketiga, atas faktor ini, peranan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan menjadi terhad walaupun Jawatankuasa tersebut merupakan institusi fatwa pada peringkat Persekutuan dan memainkan peranan penting di Malaysia.³⁰ Kajian oleh Luqman dan Muhammad Ikhlas ini turut membuat kesimpulan yang sama dengan kajian Mohd Mohadis Yasin, iaitu bahawa ketidakseragaman ini boleh menimbulkan kesan negatif dalam bentuk persepsi negatif terhadap institusi-institusi fatwa di Malaysia.

Menurut Muhamad Miziazam Yahya dan lain-lain, penyelidikan dan kajian tentang halangan-halangan dan garis panduan penyelarasan fatwa di Malaysia telah dibuat oleh ramai pengkaji di Malaysia dari pelbagai perspektif. Namun, matlamat utama untuk mewujudkan sebuah sistem yang membolehkan fatwa dikeluarkan, diwartakan, dan dikuatkuasakan secara seragam di seluruh negara masih belum tercapai. Hasrat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan agar fatwa-fatwa yang dikeluarkan olehnya diterima sepenuhnya oleh negeri-negeri masih belum terlaksana. Justeru usaha-usaha yang lebih praktikal perlu dilakukan.³¹ Berdasarkan tinjauan literatur di atas, kajian-kajian berkenaan penyelarasan fatwa telah dilakukan secara menyeluruh, namun masih tidak

30. Luqman Hj. Abdullah dan Muhammad Ikhlas Rosele, "Isu Perbezaan Fatwa di Malaysia: Satu Tinjauan," dalam *Seminar Fatwa Antarabangsa (isFATWA) 2016*, ed. Irwan Mohd Subri (Nilai: Penerbit USIM, 2016), 189–194.

31. Muhamad Miziazam Yahya, Mansor Sulaiman dan Hasan Ahmad, "Penyelarasan Fatwa dan Kaedah Penyelesaiannya di Malaysia: Suatu Kajian Literatur," *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 1, no. 4 (2018): 22–35.

menjurus kepada punca sebenar ketidakselarasan fatwa-fatwa antara peringkat Negeri dengan peringkat Persekutuan. Oleh itu, diharapkan agar kajian-kajian akan datang dapat mengisi kekosongan atau kelompangan ini.³²

Isu-Isu Berkaitan Undang-Undang Fatwa di Malaysia

Hakikatnya, isu-isu berkaitan fatwa berpunca daripada struktur undang-undang di Malaysia itu sendiri. Berdasarkan peruntukan yang ada dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam setiap negeri, fatwa rasmi yang telah diwartakan mempunyai autoriti ke atas dua belah pihak, iaitu setiap diri perseorangan atau individu, dan mahkamah, yakni Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.³³ Namun, Mohd Kamel Mat Salleh dan lain-lain mendapati bahawa meskipun pada dasarnya Mahkamah-Mahkamah Syariah dan Sivil harus merujuk fatwa yang dikeluarkan oleh institusi-institusi fatwa dan mengikut fatwa-fatwa tersebut dalam keputusan kes-kes mahkamah, malangnya terdapat bukti yang banyak bahawa Mahkamah-Mahkamah Syariah tidak merujuk fatwa-fatwa yang dikeluarkan, meskipun fatwa-fatwa tersebut relevan dan berkaitan. Menurut Mohd Kamel lagi, keadaan ini memencilkan mufti dan institusi-institusi fatwa daripada berperanan secara berpengaruh dalam sistem keadilan Syariah. Kajian ini penting kerana dapat bukan sahaja menggambarkan kedudukan fatwa dan mufti yang sepatutnya menjadi salah satu sumber hukum yang berautoriti dalam sistem keadilan Syariah di Malaysia, tetapi juga memberikan gambaran berkenaan sebagai antara penyebab ketidakberkesanan sistem keadilan Syariah di Malaysia.³⁴

Berhubungan penguatkuasaan ini, Zaini Nasohah, yang bersependapat dengan kajian Mohd Mohadis Yasin dan Luqman dan Muhammad Ikhlas, memberikan contoh-contoh masalah yang berlaku akibat ketidakselarasan ini, antaranya ialah isu fatwa pengharaman perbuatan merokok, kesannya terhadap pertelagahan yang berlaku dalam kalangan orang Melayu, dan cara menanganinya. Dua aspek yang disentuh dengan mengemukakan contoh ini ialah proses pengeluaran fatwa di Malaysia dan kepentingan penyelarasan fatwa di Malaysia bagi tujuan penguatkuasaan. Sepertimana kajian-kajian yang dibincangkan di atas, kajian ini juga mengetengahkan isu penyelarasan sebagai jalan penyelesaian utama.³⁵ Begitu juga dengan dapatan oleh Muhammad Fathullah dan Jasni Sulong, yang menyatakan bahawa tidak semua negeri

32. Ibid.

33. Hasnan Kasan, "Institusi Fatwa dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syar'iyah," *Jurnal Pengajian Umum*, no. 2 (2001): 37–63.

34. Mohd Kamel Mat Salleh et al., "Kedudukan Fatwa dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti di Mahkamah Syariah Malaysia," *Journal of Contemporary Islamic Law* 1, no. 1 (2016): 1–22.

35. Zaini Nasohah, "Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia," *Jurnal Islamiyyat* 27, No. 1 (2005): 25–44.

mengikuti keputusan fatwa yang dicadangkan oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan walaupun terdapat dalam kalangan ahli Jawatankuasa tersebut pihak yang menjawat jawatan mufti negeri-negeri. Hanya lapan negeri yang mempunyai peruntukan khusus untuk menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan—iaitu Perlis, Selangor, Perak, Johor, Pulau Pinang, Melaka, Sabah, dan Sarawak. Meskipun terdapat negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan, Terengganu, dan Kelantan yang tidak mempunyai peruntukan seperti ini, namun dari segi amalan, negeri-negeri berkenaan tetap menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.³⁶

Keadaan ini sukar untuk menjadi lebih baik kerana, menurut Mohammad Azam Hussain dan lain-lain, dari aspek rujukan, keempat-empat mazhab fiqh utama—iaitu Ḥanafī, Mālīkī, Shāfi‘ī, dan Ḥanbalī—diiktiraf dan dijadikan rujukan undang-undang Syariah di Malaysia. Pun begitu, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan agama Islam sebagai agama Persekutuan tidak menghuraikan dengan lebih lanjut mazhab mana yang perlu menjadi rujukan dan ikutan utama oleh umat Islam di negara ini. Mazhab Shāfi‘ī merupakan pegangan utama dalam amalan seharian bagi majoriti umat Islam di Malaysia. Namun, masih terdapat persoalan yang boleh dibangkitkan berkenaan kedudukan undang-undang berhubung mazhab mana yang menjadi rujukan utama dalam menetapkan fatwa di negeri-negeri Malaysia. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, kajian Mohammad Azam ini meneliti peruntukan-peruntukan undang-undang di negeri-negeri di Malaysia dalam seliaan urusan fatwa. Kajian ini juga mendapati bahawa sebahagian besar undang-undang yang menyelia urusan fatwa di negeri-negeri di Malaysia mengutamakan *qawl mu‘tamad* dalam mazhab Shāfi‘ī. Namun begitu, sekiranya *qawl* tersebut dilihat tidak dapat membuahkan manfaat buat kepentingan umum, maka rujukan boleh dibuat terhadap *qawl* lain sama ada dalam mazhab Ḥanafī, Mālīkī atau Ḥanbalī.³⁷ Namun demikian, rujukan *qawl* tidak terhad hanya kepada empat mazhab ini sahaja. Meskipun peruntukan Enakmen Pentadbiran Islam setiap Negeri jelas mengutamakan rujukan terhadap mazhab Shāfi‘ī, laluan yang lebih luas tetap diberikan kepada Jawatankuasa Fatwa untuk mengambil pandangan hukum daripada mana-mana mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang lain bagi membuka ruang untuk memperoleh ijtihad yang lebih luas.³⁸

36. Muhammad Fathullah dan Jasni, “Penyelarasan Fatwa,” 86–109.

37. Mohammad Azam Hussain, Hairuddin Megat Latif, Mohd. Zakhiri Md. Nor, Md. Rejab Md. Desa, Al-Hanisham Mohd Khalid dan Muhammad Azri Mohd Akhir, “Rujukan kepada Mazhab dalam Ketetapan Fatwa: Analisa Undang-Undang Pentadbiran Islam di Malaysia,” *International Journal of Law, Government and Communication* 3, no. 13 (2018): 236–244.

38. Noor Naemah, Mohd Akram dan Muhammad Najib, “Pengaruh Perbezaan Realiti Ekonomi, Politik, Demografi dan Perundangan,” 45–82.

Hanya sebahagian negeri mengeluarkan fatwa dengan hanya merujuk mazhab Shāfi'i tanpa mengambil kira *qawl* dalam mazhab-mazhab lain, manakala sebahagian yang lain pula terbuka untuk mengambil mana-mana *qawl* daripada empat mazhab muktabar.³⁹ Peruntukan rujukan *qawl mu'tamad* dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam dapat menjamin keseragaman fatwa sekiranya pelaksanaannya berpegang dengan keseluruhan peruntukan undang-undang tersebut. Peruntukan tersebut hendaklah dibaca bersama pada semua klausa (i), (ii), dan (iii). Kejumudan dan sifat eksklusif terhadap mazhab Shāfi'i sahaja berlaku apabila hanya klausa (i) sahaja dibaca, dan ini menjadi amalan sesetengah negeri di Malaysia. Sekiranya klausa (ii) dan (iii) turut dibaca, keputusan fatwa akan menjadi lebih inklusif dan boleh mencapai hukum yang lebih *rājih* berasaskan dalil-dalil syarak.⁴⁰

Selain aspek rujukan, aspek peruntukan kesalahan dan kadar hukuman juga mempamerkan kesan buruk ketidakselarasan ini. Menurut Zanariah Dimon, setiap negeri memperuntukkan kesalahan berhubung fatwa dalam akta atau enakmen jenayah Syariah negeri masing-masing. Penguatkuasaan undang-undang juga tertakluk kepada setiap negeri. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi jenis kesalahan dan kadar hukumannya. Kajian ini dapat memberikan gambaran berkenaan kepentingan fatwa dalam perundangan Islam di Malaysia berhubung peruntukan kesalahan dan kadar hukumannya.⁴¹

Menurut Mohd Mohadis Yasin, mufti-mufti di Malaysia mengeluarkan fatwa melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri atau Jawatankuasa Syariah Negeri atau Wilayah Persekutuan berdasarkan tatacara dan kuasa yang diberikan melalui Akta atau Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Wilayah Persekutuan atau negeri masing-masing. Hanya Jawatankuasa Fatwa Negeri sahaja yang diberikan kuasa untuk meminda, mengubahsuai, atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan. Seterusnya, dalam aspek kesalahan melanggar sesuatu fatwa yang telah diwartakan pula, masih terdapat perbezaan hukuman antara setiap negeri. Justeru itu, dalam usaha menyeragamkan fatwa, kekurangan dan masalah-masalah berkaitan fatwa sebagaimana yang dinyatakan tersebut merupakan cabaran yang perlu diberikan perhatian supaya kewibawaan institusi fatwa dalam sesuatu fatwa yang dikeluarkan bagi kepentingan masyarakat Islam di Malaysia dapat dipertahankan.⁴²

39. Muhammad Fathullah dan Jasni, "Penyelarasan Fatwa," 86–109.

40. Ibid.

41. Zanariah Dimon, "Penguatkuasaan Kesalahan Berhubung Fatwa dalam Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia," *Journal of Muwafaqat* 3, no. 1 (2020): 116–129.

42. Mohd Mohadis Yasin, "Pengurusan dan Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan dan Cabaran di Malaysia," *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa* 1 (2007): 119–135.

Penutup

Fatwa mempunyai kedudukan yang penting di Malaysia dan perlu dihormati oleh setiap lapisan masyarakat. Hal ini kerana Jawatankuasa-Jawatankuasa Fatwa yang mengeluarkan fatwa terdiri daripada pakar-pakar yang arif dalam bidang kefatwaan. Sungguhpun terdapat banyak kekurangan pada sistem kefatwaan di Malaysia, yang melibatkan pelbagai pihak seperti institusi-institusi kefatwaan itu sendiri, mahkamah-mahkamah Syariah, dan bahkan para Sultan dan Raja, penambahbaikan masih terus dibuat dari semasa ke semasa. Pun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa banyak penambahbaikan yang perlu disegerakan terhadap proses penambahbaikan itu sendiri agar institusi-institusi kefatwaan dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan terus menjadi relevan buat umat Islam di Malaysia.

Penghargaan

Penulis mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang telah mengurniakan geran penyelidikan untuk penyelidikan yang bertajuk “Penambahbaikan Keberkesanan Fatwa di Malaysia: Analisis Aspek Perundangan.”

Rujukan

- Abd Latif Muda dan Rosmawati Ali@Mat Zin. *Perbahasan Usul al-Ahkam*. Kuala Lumpur: Ihlam Abati Enterprise, 2001.
- Abū ‘Amru ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahmān. *Adab al-Muftī wa al-Mustaftī*. Beirut: ‘Alam al-Kutub, 1986
- Abū Dāwūd. *Sunan Abī Dāwūd*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, t.t.
- Ahmad Hidayat Buang dan Che Rozaihan Che Rosli. “Persepsi dan Penerimaan Mahasiswa Terhadap Fatwa Negeri Selangor.” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 9, No. 1 (2017): 129–147.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.
- Al-Ashqar, Muḥammad Sulaymān. *Al-Wāḍiḥ fī Usūl al-Fiqh*. Amman: Dār al-Nafā’is, 2001.
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2017.
- Harussani bin Haji Zakaria dan Norliah binti Sajuri. “Penjelasan Terhadap Isu Kekeliruan Fatwa yang Diwartakan.” Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia 2012*, 7–16. Nilai dan Putrajaya: Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2012.
- Hasnan Kasan. “Institusi Fatwa dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syar’iyyah.” *Jurnal Pengajian Umum*. No. 2 (2001): 37–63.
- _____. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.
- Ibn Manzūr. *Lisān al-‘Arab*. 15 Jil. Beirut: Dār al-Bayrūt, 1956.
- Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Luqman Hj. Abdullah dan Muhammad Ikhlas Rosele. “Isu Perbezaan Fatwa di Malaysia: Satu Tinjauan.” Dalam *Seminar Fatwa Antarabangsa (isFATWA) 2016*. Ed. Irwan Mohd Subri, 189–194. Nilai: Penerbit USIM, 2016.
- Mahamad Naser bin Disa. “Analisa Terhadap Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Berkenaan Pelanggaran Fatwa.” Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia 2012*, 27–42. Nilai dan Putrajaya: Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2012.
- Mahyudin Daud dan Ahmad Najib Abdullah. “Penginstitutionan Majlis Fatwa Kebangsaan dan Kaifiat Pengeluaran Hukum: Suatu Tinjauan Umum.” *Al-Basirah: Jurnal Universiti Malaya* 9, no. 2 (2019): 37–51.

- Mohammad Azam Hussain, Hairuddin Megat Latif, Mohd. Zakhiri Md. Nor, Md. Rejab Md. Desa, Al-Hanisham Mohd Khalid dan Muhammad Azri Mohd Akhir. “Rujukan kepada Mazhab dalam Ketetapan Fatwa: Analisa Undang-Undang Pentadbiran Islam di Malaysia.” *International Journal of Law, Government and Communication* 3, no. 13 (2018): 236–244.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. “Penyelarasan Fatwa: Isu, Masalah dan Harapan.” Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia 2012*, 17–26. Nilai dan Putrajaya: Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2012.
- Mohd Haidhir Md Yusof, “Institusi Fatwa: Ifta.” *Academia.edu*, https://www.academia.edu/12455634/Institusi_Fatwa_Ifta. Diakses pada 5 Februari 2024.
- Mohd Kamel Mat Salleh, Mohd Al Adib Samuri dan Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. “Kedudukan Fatwa dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti di Mahkamah Syariah Malaysia.” *Journal of Contemporary Islamic Law* 1, no. 1 (2016): 1–22.
- Mohd Mohadis Yasin. “Pengurusan dan Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan dan Cabaran di Malaysia.” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 1 (2007): 119–135.
- Mohd Nazril Saad. “Bentuk Keterdedahan Risiko Fatwa di Malaysia: Analisis Sorotan Literatur.” *Jurnal Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa* 24, no. 1 (2021): 94–115.
- Muhamad Miziazam Yahya dan Ahmad Wifaq Mokhtar. “Penyelarasan Fatwa di Antara Negeri dengan Persekutuan: Satu Analisis Sorotan Terhadap Penyelidikannya di Malaysia.” *Journal of Fatwa Management and Research* 11, no. 1 (2018): 59–76.
- Muhamad Miziazam Yahya, Mansor Sulaiman dan Hasan Ahmad. “Penyelarasan Fatwa dan Kaedah Penyelesaiannya di Malaysia: Suatu Kajian Literatur.” *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 1, no. 4 (2018): 22–35.
- Muhammad Fathullah Al Haq Muhammad Asni dan Jasni Sulong. “Penyelarasan Fatwa Antara Negeri-Negeri: Analisis Amalan dan Kaedah Penyeragamannya di Malaysia.” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 9, no. 1 (2017): 86–109.
- Noor Naemah Abdul Rahman, Mohd Akram Dato’ Dahaman@Dahlan dan Muhammad Najib Abdullah. “Pengaruh Perbezaan Realiti Ekonomi, Politik, Demografi dan Perundangan Terhadap Penetapan Fatwa di Malaysia dan Singapura.” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 3, no. 1 (2014): 45–82.
- Al-Qaradāwī, Yūsuf. *Al-Fatwa Bayna al-Indibāt wa al-Tasayyub*. Kaherah: Dār al-Şahwah li al-Nashr wa al-Tawzī, 1988.

- Zaini Nasohah. “Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia.” *Jurnal Islamiyyat* 27, no. 1 (2005): 25–44.
- Zanariah Dimon. “Penguatkuasaan Kesalahan Berhubung Fatwa dalam Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia.” *Journal of Muwafaqat* 3, No. 1 (2020): 116–129.
- Zulkifli Mohamad. “Institusi Mufti dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan.” Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, 2004.
- Zulkifli Muhammad al-Bakri. “Aplikasi Fatwa dalam Sistem Perbankan Islam: Cabarannya dalam Konteks Semasa.” Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia 2012*, 151–164. Nilai dan Putrajaya: Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2012.